

Keakaraban sesama kita azam 2021

MUKADIMAH

SEJAK kebelakangan ini, isu membabitkan kaum dalam media sosial seolah-olah semakin ketara dan agak membimbangkan. Lihat sahaja kes anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim yang mati dipercayai akibat parah selepas dipukul dalam kejadian rusuhan di sebuah kuil di Subang Jaya, Selangor. Pelbagai komen berunsur kaum oleh netizen dapat dibaca di media sosial.

Bukan itu sahaja, isu sekolah-sekolah vernakular ditimbulkan semula ekoran ramai warganegara yang masih tidak fasih berbahasa Melayu hinggalah ada yang terpaksa menggunakan khidmat penterjemah ketika berurusan dengan kerajaan.

Tapi, benarkah jurang hubungan antara kaum di negara ini semakin melebar?

Bagi Profesor Antropologi Sosial di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), **PROFESOR**

DR. SARJIT SINGH, beliau berharap memasuki tahun baharu 2021 Jumaat ini, isu-isu sedemikian tidak lagi cuba ditimbulkan oleh mana-mana pihak.

Menurutnya, rakyat berbilang kaum di negara ini seharusnya menanam azam untuk lebih bersatu hati, berdiri teguh dan bernaung di bawah Jalur Gemilang yang menjadi simbol kebanggaan kita selama ini.

Kepada wartawan *Utusan Malaysia*, **AQILAH MIOR KAMARULBAID**, Sarjit yang juga Penasihat Sekretariat Rukun Negara UPM dan Ahli Institut Integriti Malaysia berharap, 2021 bukan sahaja menjadi azam untuk menghentikan penularan virus Covid-19 dan memulihkan ekonomi dalam kalangan rakyat berbeza bangsa dan agama, tetapi juga mengeratkan lagi perpaduan sesama mereka.

Ikuti temu bual tersebut baru-baru ini:



UTUSAN: Harmonikah hubungan pelbagai kaum di negara ini?

SARJIT: Masyarakat hidup harmoni dalam rukun damai. Kita baru saja meraikan sambutan bersejarah ulang tahun ke-50 Rukun Negara. Sambutan tersebut mempunyai hubungan sejarah dan sosial masyarakat. Perlu ditegaskan, kita tidak mempunyai banyak masalah dalam mengurus hubungan dan keganasan etnik di Malaysia.

Sehingga kini, dua peristiwa rusuhan kaum iaitu 13 Mei 1969 dan Kampung Medan 2001 berjaya ditangani secara berkesan oleh kerajaan. Pada hemat saya, kemiskinan adalah punca utama kedua-dua insiden tersebut.

Peristiwa tersebut telah mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat agar perlunya hidup bersama, saling membantu dan menghormati antara satu sama lain. Saya lihat pada masa kini, masyarakat kita hidup secara harmoni dan mulai memahami kepelbagaian sebagai kekuatan kita bersama.



PERISTIWA rusuhan kaum yang pernah berlaku di negara ini wajar dijadikan pengajaran dan pedoman oleh rakyat di negara ini.

“Secara realitinya, kita masih belum mencapai perpaduan nasional seperti yang diidamkan, namun kita sudah mencapai kesepaduan sosial yang harmoni.”

Apa pandangan anda mengenai Agenda Perpaduan Nasional ketika negara dilanda pandemik Covid-19?

Agenda Perpaduan Nasional masih diusahakan secara gigih oleh kerajaan sejak merdeka pada 1957 dan pembentukan Malaysia 1963. Secara realitinya, kita masih belum mencapai perpaduan nasional seperti yang diidamkan, namun kita sudah mencapai kesepaduan sosial yang harmoni.

Saya perhatikan, kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat

semakin utuh semasa dilanda pandemik Covid-19. Hal ini kerana masyarakat saling bekerjasama dan menyantuni untuk hidup bersama bagi menangani pandemik tersebut.

Inilah kekuatan masyarakat Malaysia kerana kita saling memahami, memerlukan dan rasa bersatu dalam mengharungi pelbagai cabaran termasuk situasi Covid-19. Pada hemat saya, pandemik ini adalah satu rahmat untuk kita berfikir sejenak mengenai tujuan hidup di dunia yang indah ini.

Saya pernah tegaskan, sebelum Covid-19, kita lihat banyak perdebatan, konflik dan persaingan. Memang ada juga kerjasama tapi agak terbatas. Namun, ketika pandemik menular, kita lihat kerjasama dalam masyarakat semakin tinggi. Konflik seolah-olah sudah tiada, isu melibatkan perkauman sudah tidak kelihatan sekarang.

Apa yang menarik, pelbagai institusi agama seperti masjid, gereja, kuil, gurdwara dan wat memainkan peranan membantu pelbagai masyarakat tanpa mengira latar belakang agama. Saya fikir, inilah tahap perpaduan yang istimewa dan bersejarah.